

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 27.10.2014

SOALAN :

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah rendah beraliran Bahasa Cina dan Sekolah-sekolah Menengah Jenis Bantuan di bahagian Sarikei dalam 5 tahun yang lepas. Kenapakah Kerajaan Pusat masih meminggirkan sekolah-sekolah rendah beraliran cina dari segi peruntukan pembangunan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-pertua,

Kerajaan tidak pernah meminggirkan sekolah-sekolah beraliran Cina dari segi peruntukan pembangunan. Penyaluran peruntukan pembangunan kepada sekolah bantuan kerajaan diturunkan berdasarkan permohonan pembaikan, penyelenggaraan, naik taraf dan sebagainya. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima dan menilai permohonan tersebut berdasarkan laporan dan syor yang diberikan oleh pihak sekolah, Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan bagi negeri Sarawak secara keseluruhan dari tahun 2010 hingga 2014 adalah sebanyak RM21,300,360 dan dari jumlah tersebut tiada agihan kepada SJKC di Sarikei. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013 sejumlah RM2,000,000 telah diturunkan ke dua buah Sekolah Mubaligh di daerah Sarikei.

Bagi peruntukan Pakej Rangsangan Khas (PRK) yang bermula pada tahun 2012, sejumlah RM9,992,000 telah diagihkan kepada negeri Sarawak dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM2,585,000 diagihkan kepada SJKC di daerah Sarikei. Pada tahun 2013, negeri Sarawak telah menerima agihan sebanyak RM15,565,000 bagi SJKC dan daripada jumlah tersebut RM1,400,000 diagihkan kepada 14 buah SJKC di Sarikei. Pada tahun ini, sejumlah RM7,120,000 telah diperuntukkan bagi negeri Sarawak, dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM295,000 akan diagihkan kepada 7 buah SJKC di daerah Sarikei bagi menampung kos kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di sekolah-sekolah SJKC tersebut.